



# 'IBULAH SYURGA'



SPEKTRUM BERSAMA FATHIL ASRI

**Kasih** ibu hingga ke syurga. Kata-kata ini sesuai untuk menggambarkan pengorbanan seorang anak demi ibu tercinta dalam meneruskan kelangsungan hidup di sebuah rumah di Kampung Cabang Tiga Melawi, Bachok, Kelantan.

Orang kurang upaya (OKU) penglihatan, Hasanah Osman, 52, insan paling istimewa kerana walaupun hidupnya sendiri dalam kekurangan, dia masih mampu menguruskan ibunya, Mek Nab Awang, 72, yang lumpuh sejak 2008.

Dengan bantuan daripada agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan orang perseorangan, semua itu bukanlah alasan untuk Hasanah mengabaikan ibunya.

"Selagi ibu ada, dialah hidup saya hingga ke akhir hayat," kata Hasanah.

Ikuti rakaman lensa jurugambar Fathil Asri di sebalik tabir kehidupan sebenar dua beranak berkenaan di sebuah rumah usang.

5



6











1. **HASANAH** *menarik ibunya, Mek Hab Awang untuk dimandikan dengan penuh kasih sayang.*

2. **MEMASTIKAN** *ibu berada depan pintu setiap petang untuk menghilangkan bosan.*

3. **MEMBASUH** *dan membersihkan kelengkapan rumah selepas selesai menguruskan ibu.*

4. **KERJA** *rumah dilakukan bersendirian tanpa mengeluh.*

5. **HASANAH** *Sihat sejenak selepas selesai menguruskan ibunya di rumah mereka.*

6. **HASANAH** *bersedia untuk menyediakan kepeluan dan menguruskan ibunya.*